

03 OCT 2001

Hamid-Islam

UMNO SEDIA BERDIALOG DENGAN PAS MENGENAI ISU NEGARA ISLAM

PUTRAJAYA, 3 Okt (Bernama) -- Umno sedia berdialog dengan Pas mengenai isu negara Islam secara ilmiah, bukan mengikut sentimen politik, bagi menyelesaikan isu tersebut, kata penasihat agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Abdul Hamid Othman hari ini.

Abdul Hamid, yang juga ahli Majlis Tertinggi Umno berkata: "Umno sedia mengadakan perjumpaan (dengan Pas) itu secara ilmiah."

Pemimpin Umno, termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, telah menegaskan Malaysia adalah sebuah negara Islam.

Malah pada Ogos lepas, muzakarah sehari yang dihadiri oleh 70 ulama, tokoh agama dan ahli akademik turut bersetuju bahawa Malaysia telah mencapai takrif negara Islam, katanya pada persidangan media di pejabatnya di sini hari ini.

Beliau berkata jika ulama Pas ingin memberi kerjasama mengenai isu tersebut dari segi kajian ilmiah, pihaknya sanggup menerima.

"Ulama Pas dan Umno tidak banyak beza kerana mereka belajar dari universiti yang sama dan menggunakan buku rujukan yang sama, contohnya seperti di Universiti Kaherah," katanya.

Pas telah mempersoalkan kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara Islam, dan mencabar Dr Mahathir mengisytiharkan kedudukan itu di Parlimen bagi membolehkan parti pembangkang mengambil bahagian dalam sesi soal jawab atau perbahasan mengenainya.

Dr Mahathir telah mencabar Pas menjelaskan konsep negara Islamnya kepada rakyat, bagaimanapun cabaran itu disambut dingin oleh pemimpin tertinggi Pas.

Abdul Hamid berkata dalam Islam, hanya ada dua negara, satu negara Islam dan satu negara kafir yang mesti diperangi.

Tindakan Pas yang mempersoalkan kedudukan Malaysia itu membawa implikasi yang negara ini bukan negara Islam, dan membolehkan negara-negara Islam yang lain memerangi Malaysia, katanya.

Beliau menyifatkan kedudukan Malaysia sebagai negara Islam seperti sebuah rumah yang siap tetapi belum lengkap, dan ini tidak bermakna rumah yang siap itu perlu dirobuhkan kerana belum dilengkapkan.

Selaras dengan perkembangan isu itu, satu Multaqa atau Pertemuan Antara Pemimpin-Pemimpin Umno akan diadakan di sini pada 12 Oktober selama tiga hari bagi memperjelaskan isu mengenai negara Islam, isu jihad dan mati syahid, katanya.

Beliau berkata pertemuan itu dianjurkan oleh Biro Hal Ehwal Agama Islam Umno bersama Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia dan agensi-agensi lain.

Katanya, ini merupakan tindakan pertama Umno dalam mengatasi kekeliruan tersebut yang menimbulkan kebimbangan bukan sahaja di kalangan umat Islam, tetapi juga bukan Islam termasuk pelancong dan pelabur asing.

Perjumpaan peringkat pertama meliputi semua ketua-ketua bahagian Umno bagi memastikan mereka dapat memainkan peranan memberikan penerangan dalam menangani masalah tafsiran ini, terutama isu jihad, berbakti kepada agama, dan mati syahid, yang merupakan satu nilai yang paling tinggi bagi umat Islam, katanya.

Abdul Hamid berkata perjumpaan itu juga akan membincangkan penggunaan nama Islam dalam kegiatan militan, dan kegiatan oleh kumpulan seperti KMM yang beroperasi di masjid-masjid dan surau-surau.

"Rakyat perlu faham dan mampu mengenalpasti kegiatan ekstremis ini," katanya.

Majlis penerangan itu juga diharapkan dapat membendung kewujudan kumpulan yang bersimpati terhadap golongan militan ini, katanya.

Beliau berkata siri penerangan ini juga akan turut meliputi pemimpin-pemimpin parti komponen Barisan Nasional, dan setakat ini MCA dan Gerakan telah membuat permohonan kepada Umno untuk mengadakan sesi tersebut.

-- BERNAMA

HK KHY ZB